

SIARAN MEDIA



Hari Sarapan Malaysia MILO® Menjangkau Seramai 50,000

Gerakan Sarapan MILO® mendidik masyarakat tentang fakta bahawa kita kehilangan 80% tenaga semasa tidur

Putrajaya Mei 29, 2016: Hari Sarapan Malaysia bersama MILO® kini sampai ke acara kemuncak di Putrajaya dan telah mencecah 50,000 peserta di tujuh bandar sekitar Malaysia, termasuk peserta pada hari ini, kira-kira 22,000. Bagi meneruskan misi untuk menekankan kepentingan bersarapan sebagai sumber tenaga utama untuk 'Miliki Harimu', para peserta juga dihiburkan dengan sarapan berkhasiat, aktiviti pendidikan dan nasihat pemakanan dengan pakar nutrisi selepas acara larian MILO® sejauh 3km dan 5km, serta Zumba.

Ketua Serantau Nestlé Malaysia, Singapura dan Brunei, Alois Hofbauer berkata, "Pada tahun 2015, kami berjaya meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan bersarapan kepada kira-kira 3.2 juta murid sekolah. Tahun ini, kami meluaskan sasaran kami kepada lebih rakyat Malaysia di tujuh lokasi untuk menyebarkan mesej kami. Kami telah menerima sambutan yang menggalakkan daripada para peserta dan kami berharap agar acara ini dapat memberi inspirasi kepada mereka untuk mengubah tabiat bersarapan mereka serta memupuk tabiat yang bermanfaat ini mulai hari ini."

"Selaras dengan usaha kami untuk mengukuhkan kepentingan bersarapan, kami juga telah bekerjasama dengan pihak *Nutrition Month Malaysia* (NMM) pada tahun ini," kongsi Hofbauer.

"Badan kita kehilangan 80% tenaga semasa tidur. Oleh itu, sarapan yang berkhasiat adalah penting untuk menggantikan kembali tenaga yang hilang supaya kita mempunyai tenaga yang mencukupi untuk mencapai prestasi fizikal dan mental yang maksimum sepanjang hari," kongsi Cher Siew Wei, Pengurus Pemakanan Korporat, Nestlé (Malaysia) Berhad.

Cher turut berkongsi mengenai trend sarapan kanak-kanak di Malaysia yang membimbangkan berdasarkan kajian *MyBreakfast Study* yang dijalankan bersama 8,705 orang murid sekolah. Kajian tersebut mendapati bahawa 1 daripada 4 kanak-kanak Malaysia tidak bersarapan sekurang-kurangnya 3 kali seminggu.

Kajian ini juga membuktikan bahawa kanak-kanak yang tidak bersarapan menunjukkan tahap aktiviti fizikal yang lebih rendah. Tambahan pula, didapati kanak-kanak yang mempunyai tahap aktiviti fizikal yang tinggi lebih cenderung untuk minum minuman malt.

“Minuman malt boleh menjadi strategi diet yang berkesan untuk meningkatkan kualiti sarapan secara menyeluruh. *MyBreakfast Study* juga mendapati bahawa kanak-kanak yang mengambil minuman malt lebih cenderung untuk memenuhi Keperluan Nutrien yang Disarankan [*Recommended Nutrient Intake (RNI)*] dari segi jumlah pengambilan tenaga, protein dan vitamin-vitamin lain,” tambah Cher.

“Masih ramai rakyat Malaysia tidak sedar akan kepentingan mengambil sarapan pagi. Kami berbangga kerana dapat memberi sokongan kepada inisiatif yang bermakna ini, di mana ia menekankan kepentingan mengambil sarapan berkhasiat,” kongsi Dr. Tee E Siong, Pengerusi Jawatankuasa NMM.

Tambah Hofbauer, “Kami berbesar hati kerana dapat meluaskan acara kami pada tahun ini serta bangga dengan sambutan yang menggalakkan daripada begitu banyak keluarga dari seluruh Malaysia yang menunjukkan semangat yang positif. Selain daripada memupuk tabiat gaya hidup yang sihat di kalangan komuniti, ia juga memberi kami peluang untuk berterima kasih kepada pengguna kami atas sokongan mereka selama ini.”

Antara aktiviti-aktiviti yang akan diadakan pada himpunan sarapan terbesar ini adalah tarian Zumba, permainan bola sepak dan Pengukuran Indeks Jisim Badan oleh pakar nutrisi dari pihak NMM yang berada di Zon Nutrisi untuk memberi nasihat. Cef Fadzly Omar juga mengadakan bengkel resepi penyediaan sarapan yang cepat dan mudah, membuatkan ianya sesuai untuk keluarga yang sibuk.

Melaka ialah lokasi pertama jelajah Hari Sarapan Malaysia MILO® pada tahun ini (27 Mac) diikuti oleh Kuantan (10 April), Kota Kinabalu (17 April), Johor (23 April), Pulau Pinang (15 Mei), Kuching (22 Mei), dan di Putrajaya sebagai acara kemuncak untuk perhimpunan sarapan terbesar ini.

Layari www.milo.com.my untuk maklumat lanjut tentang Gerakan Sarapan MILO® dan juga tip-tip sarapan pagi.

-Tamat-

Mengenai Hari Sarapan Malaysia MILO®

Hari Sarapan Malaysia merupakan satu usaha dan inisiatif tahunan MILO® yang berhasrat memberi impak dalam kalendar acara di Malaysia. Ia mahu menyampaikan mesej bahawa sarapan ialah hidangan harian yang paling penting. Selaku peneraju dalam segmen minuman coklat malta di Malaysia, MILO® ingin memacu perubahan dan tindakan dalam kalangan rakyat Malaysia berkaitan pengambilan sarapan. Hari Sarapan Malaysia ialah acara penting MILO® dalam menyatakan kepentingan sarapan kepada semua rakyat Malaysia. Hari Sarapan Malaysia bukan sekadar satu acara, ia adalah satu hari untuk meraikan sarapan. MILO® ingin menyeru rakyat Malaysia agar menanam tabiat mengambil sarapan yang sihat dalam diet harian mereka.

Secawan MILO® memberikan tenaga kepada rakyat Malaysia. Dengan formula Activ-Go™ yang terdiri daripada PROTOMALT dan nisbah mikronutrien yang sempurna, ia membantu memberikan tenaga yang optimum, mengurangkan keletihan dan menyokong fungsi tubuh pada awal pagi.

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Peneraju dalam bidang Nutrisi, Kesihatan dan kesejahteraan ini beribu pejabat di Switzerland. Sejak tahun 1866, Nestlé komited untuk menawarkan produk yang berkualiti tinggi, sedap, selamat dan berkhasiat kepada para pelanggan kami, selari dengan janji kami iaitu Good Food, Good Life. Menawarkan produk kepada rakyat Malaysia sejak tahun 1912, Nestlé telah memperoleh kepercayaan para pelanggan melalui jenama dan produk yang berkualiti. Kami juga komited untuk menambah baik kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi. Di Nestlé, pengguna kami menjadi paksi kepada apa jua yang kami lakukan. Kami berhasrat menggembirakan para pelanggan dengan menawarkan produk berkualiti terbaik, berpegang dengan asal-usul Switzerland dan mengekalkan integriti serta kecemerlangan halal kami. Untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai bagaimana kami menawarkan makanan berkhasiat kepada rakyat Malaysia selama lebih seabad lamanya, sila layari laman web www.nestle.com.my atau Facebook <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>

Untuk maklumat lebih lanjut, sila hubungi:

Winnie Lai (012 – 979 2682)

Kevin Chan (012 – 356 2166)

FleishmanHillard

Tel: (+603) 2094 0760

Email: kl.milo@fleishman.com